

**MATAHARI**

1978

**KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) —** TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATMIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA PENGGUNAAN CAHAYA MATAHARI BOLEH MENOLONG MENGURANGKAN HARGA BEKALAN ELEKTRIK DI SEKTOR PERINDUSTRIAN DAN PERTANIAN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI SELEPAS PERTEMUAN DENGAN PERUNDING TENAGA MATAHARI AUSTRALIA, ENCIK DONALD MUNRO, BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TENAGA SEUMPAMA ITU DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI AMALAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MENGGUNAKAN TENAGA DARI MATAHARI MEMANDANGKAN HARGA PETROL-LEUM YANG BEGITU TINGGI.

BELIAU MERASAKAN BAHAWA PENGGUNAAN TENAGA MATAHARI DI MALAYSIA DAPAT MEMBANTU SEKTOR PERTANIAN SELAIN DARI KEGUNAAN DI RUMAH-RUMAH.

ENCIK MUNRO BERKATA BAHAWA FIRMANYA LYONS AND PEIRCE DI AUSTRALIA BARAT, DI MANA BELIAU SELAKU PERUNDING EKSPORT, AKAN MENANDATANGANI SATU PERJANJIAN DENGAN SEBUAH SYARIKAT DI JOHOR TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENGELUARKAN ALAT-ALAT PERANGKAP SINAR SURIA UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN ASING.

—BERSAMBUUNG RM 1755

EE

B600

**MATAHARI 2 KUALA LUMPUR**

BELIAU BERKATA PASARAN ASING ITU AKAN MELIPUTI NEGARA-NEGARA ASEAN.

ENCIK MUNRO BERKATA ALAT PERANGKAP SINAR SURIA ITU AKAN DISE-SUAIKAN MENGIKUT IKLIM DAN KEADAAN TEMPATAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

BELIAU BERKATA BUAT PERMULAAN KILANG DI PASIR GUDANG JOHOR AKAN MENGELUARKAN ANTARA 50 HINGGA 100 UNIT PERANGKAP SINAR SURIA UNTUK KEGUNAAN PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN.

TAMBAH BELIAU KILANG ITU APABILA BERJALAN SEPENUHNYA NANTI BOLEH MENGELUARKAN KIRA-KIRA 1,000 UNIT PERANGKAP SINAR SURIA TIAP BULAN, TERUTAMANYA UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI ALAT MEMANASKAN AIR.

KILANG ITU YANG PERTAMA SEKALI DI MALAYSIA AKAN JUGA MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG BERKAITAN DENGAN SISTEM TENAGA MATAHARI.

BELIAU JUGA AKAN MEMBUAT KAJIAN DAN PENYELIDIKAN MENGENAI PEMBANGUNAN SISTEM TENAGA MATAHARI DI MALAYSIA.